

Kerajaan kaji semula kenaikan gaji penjawat awam

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@nsp.com.my

JOHOR BAHRU: Kerajaan akan melakukan kajian semula berhubung kenaikan gaji penjawat awam di negara ini selepas mengambil kira kedudukan kewangan negara ketika ini.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, berkata kajian semula itu penting sama ada kenaikan gaji dijanjikan kerajaan terdahulu perlu diteruskan atau sebaliknya.

"Sebenarnya perkara ini (kenaikan gaji penjawat awam) masih dalam kajian dan kita akan mengambil kira kedudukan kewangan semasa.

"Sama ada perkara itu perlu diteruskan atau tidak, kita akan buat kajian selepas mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program Sesi Bual Bicara Bersama Penjawat-Penjawat Awam Negeri Johor di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada (PERSADA) di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Azmi Rohani.

Menurutnya, beliau yang baru menerajui jawatan berkenaan akan melihat kembali janji kenaikan gaji kerajaan terdahulu.

"Saya akan tengok semula perkara ini dan akan bawa kepada pihak yang boleh membuat keputusan mengenainya.

"Tidak boleh nak komen, tetapi memandangkan kedudukan kewangan kerajaan dengan beban hutang tinggi, kita rasa perkara ini (kajian semula) perlu dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga akan mengkaji semula berkaitan jabatan yang mempunyai pertindihan fungsi.

"Ia akan dilakukan selepas penyusunan ini selesai dan barulah kita akan masuk fasa kedua iaitu melihat agensi yang bertindih dari segi fungsi tugas.

"Kita akan melihat dan memperkecilkannya mengikut kesesuaian," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Ismail Bakar berkata agensi dan jabatan kerajaan juga tidak perlu takut membatalkan program-program tidak bermanfaat.

"Kerajaan ketika ini akan melihat semula program-program dilaksanakan sama ada sesuai atau tidak, melihat semula apakah program-program tidak diperlukan.

"Jangan takut membatalkan sebab sudah seronok dengan program itu, sedangkan ia umpama program mencurah air ke daun keladi tetapi tidak memberi kesan," katanya.

Terdahulu program bermula jam 2 petang itu menghimpunkan kira-kira 1,500 penjawat awam negeri dan persekutuan, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).